

# Tidak perlu pindaan

## PM anggap memorandum 10 menteri bukan Islam luar biasa

BH - 21/1/2006

Oleh Rasid Rahaman

**K**UALA LUMPUR: Artikel 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan bidang kuasa mahkamah sivil dan mahkamah syariah tidak akan dipinda.

"Artikel itu tidak perlu dipinda. Mungkin ada seksyen lain, tapi Perkara 121 (1A) yang ada dalam Perlembagaan Persekutuan tidak harus dipinda," kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menegaskan, kedudukan mahkamah sivil dan mahkamah syariah akan terus kekal kerana kerajaan tidak akan mengahpuskan mana-mana bahagian dalam artikel berkenaan.

Beliau turut mempersoalkan kenapa 10 menteri bukan Islam mengemukakan memorandum kepadanya Rabu lalu agar beliau menyemak semula undang-undang berkaitan pertukaran agama.

Abdullah berkata, sepatutnya kalau ada masalah, mereka perlu mengemukakannya kepada Kabinet daripada menghantar kepada beliau dalam bentuk memorandum.

"Saya tak tahu kenapa mereka bertindak cara begitu, mungkin mereka ingin memberi pandangan mereka. Tindakan mereka itu juga luar biasa kerana tak pernah jadi begitu selama ini," katanya selepas melancarkan Antologi Puisi Sasterawan Negara, A Samad Said di sini semalam.

Kelmarin, 10 anggota Kabinet bukan Islam mengemukakan memorandum bersama kepada Perdana Menteri meminta beliau menyemak semula undang-undang berkaitan pertukaran agama.



REAKSI KECEWA: Abdullah mengulas isu Perlembagaan pada majlis Antologi Puisi Sasterawan Negara, A Samad Said semalam. ● LAGI BERITA DI MUKA 2 dan 4

LIHAT MUKA 2



“Tindakan mereka tidak manis dan bertentangan dengan sistem pentadbiran. Perbuatan ini boleh meresahkan rakyat dan saya harap rakyat bertenang”

Datuk Seri Najib Razak  
Timbalan Perdana Menteri

“Mereka lupa diri dan tidak menghormati Perdana Menteri. Mereka sepatutnya menjaga perasaan orang Melayu serta Islam”

Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz  
Menteri di JPM

“Ini cara orang yang tidak sopan. Perkara itu sepatutnya dibincangkan dalam Kabinet dan kena ingat kedudukan Islam sebagai agama rasmi dipersetujui semua kaum”

Datuk Noraini Ahmad  
Ketua Puteri Umno

“Saya ingin mengingatkan mereka bahawa unsur desakan dan paksaan tidak boleh diterima, apatah lagi jika babitkan perkara berkaitan agama”

Tan Sri Muhammad Muhd Taib  
Ketua Penerangan Umno

“Tradisi ini tidak pernah berlaku. Ini sebetulnya kerja pembangkang atau badan bukan kerajaan. Kenapa ini dibudayakan dalam Kabinet?”

Datuk Pirdaus Ismail  
Exco Pemuda Umno

SOBRI SUDINI | BERITA HARIAN